

Badrul Amin pertahan jawatan di Sabak Bernam
Malaysiakini.com
October 2, 2010

Pengarah penerangan kerajaan Selangor, Dr Badrul Amin Baharon berjaya mempertahankan jawatannya sebagai ketua cabang PKR Sabak Bernam.

Dalam pemilihan hari ini, beliau berdepan dengan dua lagi pencabarnya - Abdul Kadir Abdul Rasyid dan Abdul Aziz Idris.

Dr Badrul memperolehi 290 undi manakala Abdul Kadir mendapat 220 undi dan Abdul Aziz pula 160 undi.

Sementara itu, bagi pencalonan peringkat pusat pula, Sabak Bernam mencalonkan ketua PKR Perak, Mustaffa Kamil Ayub bagi jawatan timbalan presiden.

Cabang tersebut mencalonkan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail untuk mengekalkan jawatan presiden.

Baginaib presiden pula, Sabak Bernam mencalonkan ketua cabang PKR Tuaran, Ansari Abdullah; ahli parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian; pengerusi tetap AMK, Yahaya Shari dan Dr Badrul sendiri.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/144255>